

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
(KOTA KINABALU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.06.2014**

**Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai mengikut pecahan negeri, jenis cukai dan nisbah pendapatan negara. Dan juga berikan nisbah kutipan cukai dari negeri Sabah berbanding peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan cukai langsung iaitu cukai pendapatan individu, syarikat, petroleum, pegangan, koperasi, duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan cukai aktiviti perniagaan Labuan serta cukai tidak langsung iaitu duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

Jadual 1:

Kutipan Cukai Langsung dan Tidak Langsung Bagi Tahun 2013

<b>Tahun 2013</b>			
<b>Negeri</b>	<b>Cukai Langsung (RM Juta)</b>	<b>Cukai Tidak Langsung (RM Juta)</b>	<b>Jumlah (RM Juta)</b>
W. Persekutuan	95,843	11,633	107,476
Selangor	7,155	10,990	18,145
Johor	5,791	1,783	7,574
Sarawak	3,829	819	4,648
Melaka	1,161	941	2,102
Pulau Pinang	4,457	887	5,344

Perak	2,416	562	2,978
Sabah	3,521	821	4,342
Terengganu	524	608	1,132
Kedah	953	1,095	2,048
N. Sembilan	1,000	931	1,931
Pahang	1,100	858	1,958
Perlis	109	115	224
Kelantan	384	155	539
<b>Jumlah</b>	<b>128,243</b>	<b>32,198</b>	<b>160,441</b>

Pada tahun 2013, nisbah kutipan cukai berbanding hasil pendapatan negara adalah 75%.

Kutipan cukai dari negeri Sabah bagi tahun 2012 berbanding peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan pula adalah seperti berikut:

Jadual 2:

Kutipan Cukai di Negeri Sabah Berbanding Peruntukan Oleh Kerajaan Persekutuan Pada Tahun 2012

Perkara	Jumlah (RM Juta)
<b>Kutipan Cukai di Negeri Sabah</b>	<b>4,342</b>

• Cukai Langsung	3,521
• Cukai Tak Langsung	821
<b>Peruntukan Bagi Negeri Sabah</b>	<b>10,316</b>
• Perbelanjaan Mengurus	7,418
• Perbelanjaan Pembangunan	2,898
<b>Geran Pemberian Kepada Negeri Sabah</b>	<b>872</b>

Namun begitu, kutipan hasil cukai tidak menggambarkan pendapatan tersebut dihasilkan dari negeri berkenaan. Ini kerana kutipan cukai dibuat berdasarkan alamat pembayar cukai yang terdapat dalam rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Misalnya terdapat syarikat yang beroperasi di sesebuah negeri tetapi membayar cukai di Kuala Lumpur atau di tempat lain kerana ibu pejabat berada di sana.

Sekian, terima kasih.